

<p>Sifat bagi isim nakirah mentakhsiskan(ma`na)nya. Jika ia menjadi sifat bagi isim ma`rifah, maka ia menerangkan(ma`na)nya.</p>	<p>الْصِّفَةُ إِذَا وَقَعَتْ لِلنَّكِرَةِ فَهِيَ مُخَصَّصَةٌ، وَإِنْ جَاءَتْ لِلْمَعْرِفَةِ فَهِيَ مُوَضَّحَةٌ</p>	<p>قاعدة ٥١</p>
<p>Keterangan: Sifat, sama ada ia berupa mufrad, jumlah atau Syibhu jumlah bagi isim nakirah, bertindak mentakhsis atau mengkhususkan ma`nanya. Jika ia menjadi sifat bagi isim ma`rifah pula, maka ia menerangkan dan menjelaskan ma`na maushufnya.</p> <p>Contoh pengaplikasian qaedah ini untuk bahagian pertama, iaitu sifat bagi isim nakirah dapat dilihat pada dua firman Allah di bawah ini:</p>		

(a)

وَقَالَ رَجُلٌ مُؤْمِنٌ مِّنْ آلِ فِرْعَوْنَ يَكْتُمُ إِيمَانَهُ أَتَقْتُلُونَ رَجُلًا أَن يَقُولَ رَبِّيَ اللَّهُ وَقَدْ جَاءَكُمْ بِالْبَيِّنَاتِ مِنْ رَبِّكُمْ
وَإِن يَكُ كَذِبًا فَعَلَيْهِ كَذِبُهُ وَإِن يَكُ صَادِقًا يُصِيبْكُمْ بَعْضُ الَّذِي يَعِدُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ مُسْرِفٌ كَذَّابٌ

﴿٢٨﴾

28. Dan berkatalah seorang lelaki yang beriman dari orang-orang Firaun yang menyembunyikan imannya: Patutkah kamu membunuh seorang lelaki kerana dia menegaskan: Tuhanku ialah Allah? Sedang dia telah datang kepada kamu dengan membawa keterangan-keterangan dari Tuhanmu? Kalau dia seorang yang berdusta, maka dialah yang akan menanggung dosa dustanya itu dan kalau dia seorang yang benar, nescaya kamu akan ditimpa oleh sebahagian dari (azab) yang dijanjikannya kepadamu. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayat kepada orang yang melampaui batas, lagi pendusta. (Ghafir/Mu'min:28).

Bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam ayat dan terjemahannya yang diberikan adalah yang berkenaan. Perkataan مؤمن adalah sifat bagi isim nakirah sebelumnya iaitu رجل (seorang lelaki). Ia bertindak mentakhsiskan ma'na seorang lelaki yang terlalu umum itu.

(b)

وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُ ۖ وَلَا أُمَمَةٌ مُّؤْمِنَةٌ ۖ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبَتْكُمْ ۚ وَلَا تُنكِحُوا الْمُشْرِكِيْنَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُوا
وَلَعَبْدٌ مُّؤْمِنٌ خَيْرٌ مِّنْ مُّشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبَكُمْ ۚ أُولَٰئِكَ يَدْعُونَ إِلَى الْتَارِ ۖ وَاللَّهُ يَدْعُوا إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ ۖ وَيُبَيِّنُ
آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٣١﴾

221. Dan janganlah kamu nikahi wanita-wanita musyrik, sebelum mereka beriman. Sesungguhnya hamba wanita yang mukmin lebih baik dari wanita musyrik (yang merdeka), walaupun dia menarik hatimu. Dan janganlah kamu menikahkan orang-orang musyrik (dengan wanita-wanita mukmin) sebelum mereka beriman. Sesungguhnya hamba (lelaki) yang mukmin lebih baik dari orang musyrik walaupun dia menarik hatimu. Mereka mengajak ke neraka, sedang Allah mengajak ke syurga

dan keampunan dengan izin-Nya. Dan Allah menerangkan ayat-ayat-Nya (perintah-perintah-Nya) kepada manusia supaya mereka mengambil pelajaran. (al-Baqarah:221).

Bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam ayat dan terjemahannya yang diberikan adalah yang berkenaan. Perkataan مؤمنة (mu'minah) adalah sifat bagi isim nakirah sebelumnya iaitu أمة (seorang hamba perempuan). Ia bertindak mentakhsiskan ma'na أمة yang terlalu umum itu dengan مؤمنة. Demikian juga perkataan مؤمنة (mu'minah), ia mentakhsiskan ma'na عبد (hamba lelaki) yang terlalu umum.

Contoh pengaplikasian qaedah ini untuk bahagian kedua, iaitu sifat bagi isim ma'rifah pula dapat dilihat pada dua firman Allah di bawah ini:

(a)

قُلْ يَتَّيِّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

158. Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh petunjuk. (al-A' raaf:158).

Bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam ayat dan terjemahannya yang diberikan adalah yang berkenaan. Nabi yang Ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya adalah sifat bagi ورسوله yang tersebut sebelumnya. Oleh kerana perkataan ورسوله itu satu isim ma'rifah, maka sifat yang datang selepas bertindak menjelas dan menerangkannya.

(b)

إِنَّا أَنْزَلْنَا الْقُرْآنَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ يُخَيِّمُ بِهَا النَّبِيُّونَ الَّذِينَ أَسْلَمُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالزَّالِمِينَ وَالْأَحْبَارُ بِمَا اسْتُحْفِظُوا مِنْ

كُتِبَ اللَّهُ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا تَخْشَوُا النَّاسَ وَاخْشَوْنِي وَلَا تَشْتَرُوا بِإِيْمَانِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

44. Sesungguhnya Kami telah menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu Nabi-nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang-orang Yahudi dan (dengannya juga) 'ulama' mereka dan pendita-penditanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum-hukum dari Kitab Allah (Taurat) itu dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepadaKu (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintahKu) dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-ayatKu dengan harga yang sedikit (kerana mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia) dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang-orang yang kafir. (al-Maa'idah:44).

Bahagian yang bergaris di bawahnya di dalam ayat dan terjemahannya yang diberikan adalah yang berkenaan.